

Terapi T&CM pelengkap rawatan kesihatan

B/H 7/12/2011 27

Masyarakat mahu kaedah perubatan alternatif dibuktikan selamat, berkesan



**Liow
Tiong Lai**

bhnews@bharian.com.my

DUNIA rawatan kesihatan dan perubatan hari ini sudah sampai ke persimpangan dengan mencapai kemajuan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan rawatan kesihatan yang menghasilkan penemuan serba canggih.

Dalam pada itu, anjakan paradigma ke arah rawatan tradisional atau alternatif menimbulkan persoalan di kalangan pakar rawatan kesihatan profesional dan pihak berkuasa mengenai sebab berlakunya peralihan tumpuan daripada rawatan arus perdana. Mengapa orang ramai menolak terapi yang berasaskan bukti, yang mana berbilion ringgit telah dilaburkan?

Apakah faktor yang mendorong masyarakat meletakkan kepercayaan kepada rawatan yang tidak pernah diuji di makmal apatah lagi diiktiraf pihak berkuasa?

Mungkin berlaku kesilapan persepsi yang menimbulkan konflik antara kaedah ini. Sebenarnya tiada yang muakamad dalam bidang rawatan kesihatan. Satu industri tidak semestinya 'menang' sehingga menyebabkan yang lagi satu 'tewas'. Pucuk pangkalnya, sama ada doktor alopathik mahupun pengamal perubatan tradisional dan komplementari (T&CM) mempunyai satu matlamat, iaitu untuk memperbaiki kehidupan pesakit.

Justeru, Kementerian Kesihatan merujuk kepada perubatan alternatif sebagai 'perubatan tradisional dan komplementari' (T&CM), satu nama yang mengiktiraf bahawa amalan rawatan alternatif mempunyai peranan dalam melengkapi perubatan arus perdana.

Sesungguhnya terapi dan amalan tradisional mempunyai penga-

ruhnya dalam kebudayaan dan masyarakat Asia. Bumi kita yang cukup kaya dengan sumber alam adalah khazanah botanikal, dan sebab itulah penggunaan herba sangat signifikan dan tidak dapat lari daripada perubatan tradisional.

Pada waktu sama, kepercayaan dan amalan rawatan tradisional Malaysia berbeza mengikut pelbagai etnik dan kebudayaan etnik masing-masing. Hakikat ini dapat dilihat pada kewujudan bersama kaedah rawatan akupunktur dengan perubatan ayurvedi danurut tradisional Melayu.

Dengan latar belakang kebudayaan yang kukuh ini, kita tidak dapat menolak kepercayaan masyarakat terhadap keberkesanan terapi tradisional dan komplementari ini.

Pun begitu, pengguna hari ini bijak dan tidak lagi seperti generasi lama yang menerima rawatan terapi berasaskan kepercayaan dan keyakinan semata-mata.

Masyarakat semakin skeptikal dan memilih mengenai apa yang mereka gunakan, mereka menghindarkan diri daripada bahan yang menjejaskan kesihatan diri. Mereka bijak membezakan antara kepercayaan lama yang tidak mempunyai bukti kukuh.

T&CM tidak melalui tahap ujian yang ketat seperti rawatan arus perdana. Bagaimanapun, masyara-

kat kini mula mendesak dan mahukan rawatan terapi T&CM yang berasaskan bukti dan diiktiraf kerana pengguna semakin sedar dan peka. Industri T&CM juga sedar bahawa terapi dan khidmat mereka perlu dibuktikan selamat dan berkesan untuk masyarakat.

Memandangkan T&CM sudah mula berubah ke arah profesionalisme, Malaysia berpotensi menjadi pemimpin global industri ini. Malaysia mempunyai kepelbagaian amalan kebudayaan, sumber semula jadi yang belum diasah dan asas yang kukuh dalam T&CM sejak berabad.

Kementerian Kesihatan sudah merancang jauh ke hadapan untuk membangunkan T&CM di Malaysia. Contohnya, sebuah unit T&CM telah diwujudkan pada 1996, diikuti dengan penubuhan Bahagian T&CM pada 2004.

Sejak penubuhan unit T&CM, Kementerian Kesihatan sudah mengambil banyak langkah untuk membina asas yang lebih kukuh dalam membangunkan T&CM, termasuk memperkenalkan Amalan Pengeluaran Baik ke atas T&CM, selain menubuhkan Institut Produk Semula Jadi, Vaksin dan Biologi Kebangsaan serta Pusat Penyelidikan Perubatan Herba.

Buat masa ini, Kementerian sudah menerima T&CM sebagai bentuk rawatan iringan. Contohnya,

formula herba Cina digunakan untuk meminimumkan kesan sampingan kemoterapi dan radioterapi bagi pesakit kanser yang menda patkan rawatan konvensional di Hospital Putrajaya, Hospital Sultan Ismail di Johor Baru dan Hospital Kepala Batas di Pulau Pinang.

Bagaimanapun, T&CM bukan untuk menggantikan rawatan arus perdana berasaskan bukti. Pihak berkuasa dan pakar rawatan perubatan profesional di negara ini amat jelas dengan pendirian bahawa walaupun T&CM mungkin boleh berbangga dengan ilmu pengetahuan atau penggunaan bahan 'semula jadi', mereka tetap perlu patuh kepada standard dan peraturan dan ia tidak boleh digunakan untuk menggantikan terapi atau rawatan arus perdana yang telah dibuktikan.

Di Malaysia, khidmat T&CM boleh didapati di sembilan hospital awam. Unit T&CM di sembilan hospital awam itu menyediakan rawatan akupunktur danurut tradisional Melayu. Bagaimanapun, rawatan tradisional Melayu selepas bersalin hanya ada di dua tempat iaitu Hospital Putrajaya dan Hospital Sultan Ismail di Johor Baru. Khidmat urut selepas bersalin cara Melayu akan diperluas kan ke Hospital Sandakan, Hospital Sarawak dan Hospital Alor Setar menjelang akhir tahun ini.

Masih banyak lagi yang boleh dilakukan untuk melindungi pengguna T&CM di Malaysia. Pada tahun depan, kementerian akan membentangkan Rang Undang-undang Perubatan Tradisional dan Komplementari di Parlimen. Akta ini bertujuan memastikan hanya pengamal berkelayakan dan berdaftar dibenar mengamalkan rawatan ini. Dengan adanya Akta ini, kementerian boleh menyediakan peruntukan dana untuk menjalankan penyelidikan dalam T&CM.

Penulis ialah Menteri Kesihatan. Ikuti beliau melalui blog (www.liowtionglai.com/blog), atau Twitter (@liowtionglai).



Bagaimanapun, T&CM bukan untuk menggantikan rawatan arus perdana berasaskan bukti. Pihak berkuasa dan pakar rawatan perubatan profesional di negara ini amat jelas dengan pendirian bahawa walaupun T&CM mungkin boleh berbangga dengan ilmu pengetahuan atau penggunaan bahan 'semula jadi', mereka tetap perlu patuh kepada standard dan peraturan

